

Headline **MAC and Jakim cooperation will continue**  
 Date **29 May 2011**  
 MediaTitle **Mingguan MStar**  
 Section **News**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Weekly**  
 Circ / Read **320,964 / 1,072,000**

Language **Malay**  
 Page No **7**  
 Article Size **533 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **19,946**  
 PRValue **59,838**



# Kerjasama MAC dan Jakim akan berterusan

**M**AJLIS AIDS Malaysia (MAC) yang sebelum ini terkenal dengan aktiviti sokongan dan meningkatkan kesedaran masyarakat akan bahaya wabak HIV/AIDS di Malaysia.

Peranan mereka jelas khususnya isu berkaitan seks, penyalahgunaan dadah dan hubungan seks sesama jenis dan fokus berterusan terhadap mereka yang berisiko atau telah dijangkiti dengan wabak itu.

Sekali lagi, MAC mengorak langkah dan berusaha memastikan nasib masyarakat bermasalah terbela apabila bersama-sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menganjurkan program MUKHAYYAM bersama golongan mak nyah di Agro Resort Kuantan baru-baru ini.

MUKHAYYAM yang bererti perkhemahan santai telah berjaya menarik minat 30 orang peserta yang mana 85 peratus daripada mereka adalah pekerja seks.

Bimbang mereka sukar didekati oleh kerana stigma masyarakat terhadap golongan itu telah memberikan idea kepada kerjasama itu untuk menggunakan pendekatan berbeza bagi menarik minat mereka menyertai program itu.

Menurut Pengarah Jabatan Advokasi dan Komunikasi MAC, Jasmin Jalil, objektif utama program itu adalah untuk mendedahkan kepada mereka tentang bahaya HIV/AIDS dan sekaligus berharap dapat mengurangkan jumlah mereka dari terus bekerja sebagai pekerja seks.

Manakala pihak Jakim lebih kepada menyuntik aspek kerohanian, keagamaan dan membentuk keyakinan diri mereka untuk berhadapan dengan masyarakat.

"Menyedari penularan HIV/AIDS di kalangan umat Islam semakin meningkat di negara ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk membantu golongan berisiko dan sesuatu perlu dilakukan untuk mengurangkan penularan penyakit itu.

"Malah bagi menyelamatkan golongan mak nyah terus daripada menjadi mangsa di belakang lorong, pihak Jakim sendiri mengambil tindakan berani dengan menggunakan pendekatan berbeza untuk menarik mereka menyertai program ini dan alhamdulillah ia boleh dianggap berjaya," ujarnya

ketika ditemui *Mingguan mStar* pada program itu baru-baru ini.

Walaupun aspek kerohanian diberikan penekanan dalam program ini, tetapi katanya, pegawai daripada Jakim menggunakan pendekatan dengan mendekati mereka sebagai seorang kawan dan menyelitkan unsur-unsur keagamaan untuk memberi kesedaran kepada mereka.

Dalam pada itu, Jasmin berkata, pada asasnya kerjasama MAC dengan pihak Jakim bukan perkara baru kerana sejak dari tahun 2009 pelbagai aktiviti telah dianjurkan secara bersama demi menarik golongan berisiko ini dari terus terjerebak dalam aktiviti kurang sihat.

"Malah kita juga pernah melakukan kempen bersama para ulama Islam untuk memberi pemahaman kepada mereka supaya mereka lebih bersedia untuk berhadapan dengan golongan berisiko ini," katanya.

Melalui program sebegini katanya, diyakini dapat merapatkan

jurang antara pemimpin Islam dengan golongan mak nyah yang sebelum ini gentar dengan mereka.


Menurut Jasmin, dianggarkan lima ke 10 peratus daripada peserta program ini akan memahami mengenai agenda sebenar program ini dan dapat mengaplikasikan ke dalam kehidupan seharian supaya bertambah baik.

Sementara itu, program ini juga turut mendapat kerjasama daripada pihak GIATMARA dan Dagang Halal yang sedia membantu dengan memberikan peluang pekerjaan

dan kursus kerjaya untuk memberi suntikan semangat kepada mereka untuk mengubah cara hidup di masa hadapan.

Berhasrat untuk melibatkan diri dengan lebih banyak badan korporat dalam program itu pada masa hadapan, Jasmin berkata, MAC akan terus mendekati diri dengan anggota masyarakat terutamanya dalam aspek bahaya dan pencegahan HIV/AIDS selain membantu golongan bermasalah seperti mak nyah untuk mereka menjalani hidup dengan masyarakat lain secara normal.

## Pecahan kes HIV di Malaysia mengikut etnik 1986 - 2010



Para peserta Program Mukhayyam Bersama Golongan Mak Nyah Siri II di Kuantan, Pahang.

Headline **MAC and Jakim cooperation will continue**  
Date **29 May 2011**  
MediaTitle **Mingguan MStar**  
Section **News**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Weekly**  
Circ / Read **320,964 / 1,072,000**

Language **Malay**  
Page No **7**  
Article Size **533 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **19,946**  
PRValue **59,838**



JASMIN JALIL